

27/06/2003

Penulis buku politik Kelantan tiada agenda

Nor Arlisa Irena Abu Bakar

SEPANJANG menghadiri Perhimpunan Agung Umno Ke-54 baru-baru ini, saya tidak hanya berpeluang mengikuti ucapan dan perbahasan, malah turut membeli dua buku berkaitan untuk mendapat gambaran jelas mengenai senario politik semasa.

Dengan membeli buku Mahathir Menangis, Melayu Ketawa, saya turut berpeluang mendapatkan tandatangan penulisnya tetapi tidak daripada penulis buku 'Bicara Sebuah Perjuangan' yang saya dimaklumkan adalah seorang perwakilan yang ketika itu di dalam dewan persidangan.

Setelah membaca kedua-dua buku itu, saya dapati kandungannya amat menarik untuk lebih memahami perjuangan Umno dan jasanya kepada orang Melayu.

Apa yang menyedihkan saya, pada 23 Jun 2003, saya terbaca dalam akhbar Berita Harian satu tulisan Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanah Merah, Ikmal Hisham Abdul Aziz, yang juga Exco Pergerakan Pemuda Umno, mengulas buku Bicara Sebuah Perjuangan ada agenda tersembunyi cuba menjatuhkan Pengerusi

Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed.

Saya baca dua kali ulasan Ikmal yang tersiar dalam ruangan 'Surat Pembaca' dan saya rasa ada sesuatu yang tidak kena. Jadi, kerana takut saya silap, saya mengambil keputusan membaca sekali lagi buku Bicara Sebuah Perjuangan itu.

Setelah membaca sekali lagi dari helaian pertama hingga akhir, secara ikhlas saya dapati buku itu tidak sedikit pun ada agenda tersembunyi, sebaliknya mesejnya jelas dan tiada yang sembunyi-sembunyi walaupun dalam

bab 5 dan 9, penulis ada membuat teguran terhadap Tok Pa.

Pada saya yang masih muda ini, teguran yang dibuat itu untuk kebaikan, bukan untuk merosakkan. Saya menyokong dan rakan-rakan saya di Universiti

Kebangsaan Malaysia (UKM) juga demikian.

Sikap dan pendirian penulis juga secara sopan dengan tidak menggunakan bahasa kasar membuat teguran. Malah, penulis juga memuji Tok Pa sambil mahukan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu memberi perhatian kepada jentera parti agar segala dirancang dapat dilaksana dan dapat menjayakan misi menawan Kelantan daripada Pas.

Teguran ini pada saya tidak salah dan ia mencerminkan Umno adalah sebuah

parti demokratik. Tok Pa diyakini dapat menerima teguran itu dengan positif sekiranya mahu menjadi pemimpin yang berjiwa besar.

Malah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dihina dengan mengumpamakannya dengan babi melalui lakaran kartun dalam lidah rasmi Pas,

Harakah, dilihat tidak melenting.

Sepatutnya, Ikmal membela Dr Mahathir dengan menulis menghentam Pas, bukannya penulis buku Bicara Sebuah Perjuangan yang jelas perjuangannya.

Saya tidak tahu banyak mengenai politik Kelantan tetapi dengan membaca buku ini, saya berpendapat Ikmal yang ada agenda tersembunyi.

Kami orang muda amat muak dengan sifat pemimpin yang bermuka-muka kononnya mempertahankan kepemimpinan walhal merekalah sebenarnya yang sentiasa memberikan masalah.

Mungkin Ikmal cemburu dengan penulis buku berkenaan dan mahu penulis itu disingkirkan daripada arus perdana kepemimpinan Umno Kelantan.

Ikmal adalah antara contoh pemimpin yang suka mengambil kesempatan dan peluang daripada perjuangan orang lain. Beliau cuba menimbulkan kemarahan

ahli Umno Kelantan agar memarahi penulis buku itu kerana menegur Tok Pa.

Beliau mahu dilihat sebagai pemimpin yang menyokong kepemimpinan Tok Pa di Kelantan. Saya ragu pendirian Ikmal ini kerana buku itu tidak sampai ke tahap berkenaan. Apakah tujuan Ikmal sebenarnya?

Untuk pengetahuan Ikmal, saya beli buku itu bukan untuk mengetahui politik Kelantan. Saya pun bukan orang Kelantan, saya adalah anak jati Pulau Pinang. Saya lihat gambar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada kulitnya dan sajak Pak Lah menjadi tajuk kecilnya.

Saya pasti penulis buku itu amat sensitif terhadap kepemimpinan Pak Lah.

Saya kagumi usaha beliau untuk berkongsi bersama apa yang beliau dapat cungkil rahsia hati Pak Lah melalui sajak Pak Lah bertajuk Ku Cari Damai Abadi.

Penulis buku itu juga menyanjung tinggi jasa Dr Mahathir dan mempertahankan Dr Mahathir. Saya berpendapat buku itu adalah hadiah istimewa penulis kepada Perdana Menteri kesayangan beliau.

Di mana Ikmal dalam hal ini? Jangan terlalu jumud dan terlalu berprasangka terhadap orang lain dan jangan amalkan sifat mengambil kesempatan daripada perjuangan orang lain.

Ikmal sepatutnya berterima kasih kerana penulis buku itu yang berasal dari Kelantan telah mengambil daya usaha secara bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kepemimpinan Dr Mahathir dan Pak Lah.

Tulisan beliau amat berkesan sekali untuk menarik minat orang muda Melayu menyokong Umno tetapi tidak seperti Ikmal yang sentiasa cuba mengambil kesempatan daripada ruangan yang sempit bagi menjatuhkan seseorang pemimpin.

Jika sikap dan kepemimpinan Ikmal sedemikian, ia bertambah gagal untuk menarik minat orang muda Melayu menyokong Umno. Untuk menjadi pemimpin berwibawa dan berkarisma, Ikmal perlu lebih bermuhasabah diri kerana setiap pemimpin memiliki keistimewaan tersendiri dan jangan hanya memuji pemimpin ketika mereka berada di kemuncak saja.

Kami mahu lebih ramai lagi pemimpin Umno yang berjiwa besar dan saya harap jangan menghukum penulis buku Bicara Sebuah Perjuangan semata-mata kerana terpengaruh dengan tuduhan Ikmal.

Akhirnya, saya berharap Tok Pa dapat menilai siapakah yang tulen di antara ramai yang palsu atau bermuka-muka. Saya doakan kepemimpinan Tok Pa

akan menepati cita-cita perjuangan orang Melayu, khususnya di Kelantan yang sejauh ini ketinggalan berbanding di negeri lain.

NOR ARLISA IRENA ABU BAKAR
Fakulti Sains dan Teknologi,
UKM, Bangi.